

16/04/2001

Sinar demokrasi di Myanmar

Dzulkfley Zanudin

PEMBEBASAN 16 anggota pembangkang dari Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD), pimpinan Aung San Suu Kyi, 30 Mac lalu, dilihat antara usaha Yangon bagi memulihkan demokrasi sebenar di Myanmar selepas sekian lama dibidas dunia.

Selama ini, tindak-tanduk negara yang terkenal dengan pagoda dan gajah itu kerap dipandang serong oleh masyarakat antarabangsa dan Barat, terutama Amerika Syarikat dan bekas penjajahnya, Britain yang melempar persepsi negatif terhadap kesatuan Myanmar atau dalam bahasa setempat, Pyeidaungzu Myanma Naingngandaw.

Pemerhati politik berpendapat pembebasan anggota parti pembangkang utama itu turut menjadi petanda ketegangan politik semakin kendur di negara itu yang keras menentang bekas penjajahnya menerusi semangat kebangsaannya yang tebal.

Semua tahanan politik itu dibebaskan dari Penjara Mandalay di utara Myanmar. Mereka ditahan tahun lalu berkaitan cubaan gagal Suu Kyi untuk melawat anggota partinya di luar Yangon.

Terdahulu, 84 anggota NLD dibebaskan Januari lalu dari Penjara Insein di Yangon. Oktober tahun lalu, Suu Kyi dan junta tentera memulakan perbincangan sulit bagi memecahkan kebuntuan politik selama sedekad. Ini membawa kepada pengurangan perang lisan yang keras antara kedua-dua pihak.

Perkembangan itu, sesuai dengan penerimaan Myanmar sebagai anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (Asean), dilihat sebagai petanda positif bagi meredakan pergolakan politik di Asia Tenggara, terutama takrifan dunia terhadap junta tentera itu selama ini.

Malaysia, adalah antara negara serantau yang menghulur tangan muhibah kepada Yangon sesuai dengan dasar mewujudkan kemakmuran bersama bagi mengurangkan pergolakan serantau.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melakukan lawatan kerja ke negara itu, Januari lalu bagi mengeratkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara dalam semangat kerjasama Asean. Malaysia yang sedar Myanmar atau dulu dikenali sebagai Burma perlu diberi peluang untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam masyarakat dunia, sesuai dengan perubahan semasa dan proses globalisasi yang bergerak deras.

Memang benar, masih banyak perlu dilakukan oleh junta tentera Myanmar bagi memulihkan imejnya pada mata dunia, terutama isu yang kerap digemari kuasa besar dunia dan media asing seperti perjuangan prodemokrasi Suu Kyi.

Begitu juga penindasan terhadap masyarakat Islam Rohingya, etnik Karen yang ramai beragama Kristian dan Shan dalam negara majoriti beragama Buddha itu. Turut menimbulkan masalah ialah kehadiran kumpulan bersenjata yang dikaitkan dengan pengedar dan penyeludup dadah, sesuai kedudukan negara itu di Segi Tiga Emas Dadah, terutama pengeluaran candu dari bunga popi oleh puak etnik.

Namun isu Suu Kyi, pemenang Hadiah Nobel Keamanan 1991 untuk perjuangan demokrasinya secara aman lebih menonjol daripada soal lain. Setakat ini, Suu Kyi, selain dua pemimpin kanannya, termasuk naib pengerusi NLD, Tin Oo masih diletakkan bawah tahanan dalam rumah masing-masing di ibu negara, Yangon.

NLD menang besar dalam pilihan raya umum pada 1990 tetapi tentera, yang memerintah Myanmar sejak 1962, enggan menerima keputusan itu. Kebanyakan daripada lebih 1,800 tahanan politik di negara itu adalah penyokong NLD.

Pembebasan tahanan baru-baru ini kelihatan selaras pengumuman junta bagi

membenarkan pengawas hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang baru, Paulo Sergio Pinheiro, masuk ke negara itu. Sebelum ini, pengawas terdahulu dilarang berbuat demikian dalam tempoh perkhidmatan empat tahunnya.

Sebelum ini, Rajsoomer Lallah, yang meletak jawatan November lalu selepas empat tahun bertugas, tidak pernah dibenarkan melawat Myanmar.

Dalam laporan terakhirnya, Oktober lalu, beliau menuduh kerajaan tentera melakukan penyeksaan, rogol dan membunuh orang awam, terutama anggota kumpulan minoriti etnik.

Dalam laporan tahunan Amerika Syarikat mengenai hak asasi manusia yang disiarkan baru-baru ini, Myanmar disenaraikan bersama Cuba dan Korea Utara sebagai negara berlaku pencabulan hak asasi manusia paling teruk di dunia.

Walaupun yakin mengenai hubungan yang semakin pulih, kedudukan rundingan antara Suu Kyi dan junta kekal tidak jelas. Baru-baru ini, Ketua Majlis Keamanan Negara dan Pembangunan, Jeneral Than Shwe menyuarakan nada ingin berdamai dalam ucapan utama Hari Angkatan Tentera, dengan mengakui negara demokrasi mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Ucapan Hari Angkatan Tentera disambut setiap 27 Mac, dianggap petanda paling penting terhadap kedudukan kerajaan. Hari itu menyambut penubuhan tentera Myanmar bawah kepemimpinan Jeneral Aung San, wira kemerdekaan Myanmar dan bapa Suu Kyi. Aung San mengetuai satu penentangan terhadap pendudukan tentera Jepun ketika Perang Dunia Kedua pada 1945. Selepas perang, Britain memberikan kemerdekaan kepada Myanmar, ketika itu dikenali sebagai Burma.

Bagaimanapun, Than Shwe menolak mewujudkan demokrasi terburu-buru, sebaliknya membayangkan kerajaannya sedia bekerja secara "kerjasama" dengan kumpulan pembangkang bagi mengembalikan kestabilan.

Than Shwe dilaporkan berkata, Myanmar mengalami "kacau bilau dan ketidakstabilan" apabila ia mengamalkan demokrasi pelbagai parti selepas mencapai kemerdekaan daripada Britain pada 1948.

Beliau beranggapan dalam menyelesaikan masalah negara, konflik dan pertikaian perlu dielakkan kerana ia hanya memburukkan keadaan daripada membawa sebarang penyelesaian, sebaliknya perlu bekerjasama bagi membina negara.

"Pembinaan asas yang baik untuk negara demokrasi baru lahir adalah penting untuk mencetuskan revolusi bagi peralihan sistem lama ke sistem baru," katanya yang jelas merujuk asas yang perlu kepada kestabilan ekonomi dan politik.

Dalam ucapannya itu juga, beliau berkata sebaik matlamat itu dicapai, "sebuah negara demokrasi pasti muncul," tetapi memberi amaran "tanpa kestabilan politik, ekonomi tidak boleh mencapai pertumbuhan menggalakkan."

Dalam pada itu, Myanmar cuba membangunkan kawasan sempadan di mana kumpulan minoriti tinggal tetapi tidak menerima bantuan pembangunan. Kebanyakan negara berhenti memberikan bantuan sumbangan kepada Myanmar selepas tentera mematahkan penunjuk perasaan prodemokrasi secara keras pada 1988.

Beratus-ratus ribu penduduk kampung minoriti etnik meninggalkan Myanmar ke Thailand, Bangladesh dan beberapa negara jiran sejak dua dekad lalu, dengan dakwaan layanan buruk tentera Myanmar.

Kumpulan hak asasi manusia pula berkata orang awam mengelak pertempuran antara tentera kerajaan dan penentang etnik atau penempatan semula secara paksa. Kebanyakan lain berhijrah secara sah untuk mencari kerja atau ditempatkan semula sekitar Myanmar yang terletak dalam rantau kecil Mekong meliputi Kemboja, China, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam.

Pemerintah Myanmar cuba menarik pelaburan asing, termasuk dari negara serantau seperti Malaysia bagi merencanakan pembangunannya sekitar Yangon,

Mandalay, Karbe dan Moulmein sekali gus meningkatkan taraf politik, sosial dan ekonominya, terutama rendahnya nilai mata wangnya, kyat, selama ini.

Semua pihak berharap segala perkembangan yang berlaku di negara itu akan menghasilkan sesuatu yang memberangsangkan dalam alaf baru ini, sekali gus mengurangkan pergolakan serantau.

Ini sesuai dengan dasar idaman semua masyarakat dunia, kurangkan musuh, ramaikan rakan. Soalnya, dunia harus bersabar dan memberi peluang kepada junta Yangon yang perlu ikhlas menunjukkan kesungguhannya ke arah itu.

(END)